



BH (Finlay) Khamis 5/07/07 08:36

Kekurangan tak halang Siti Hawa kejar impian

Oleh Rosli Abdul Jalil

KUANTAN: Siti Hawa Apendi, 18, tidak pernah menganggap kekurangan yang ada pada dirinya sebagai penghalang untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang jurutera komputer.

Walaupun tidak mampu bergerak dan berjalan seperti rakan sebaya yang lain kerana menghidap spinalmuscular atrophy sejak lahir, Siti Hawa mempunyai keazaman yang tinggi.

Penyakit itu mengakibatkan Siti Hawa mengalami lumpuh dari aras pinggang ke kaki. Malah, baginya kekurangan itu menjadi pendorong dan pencetus semangat untuk lebih berjaya daripada orang lain yang sempurna sifatnya.

"Kekurangan ini bukan alasan untuk saya tidak boleh berjaya kerana saya dapati ramai yang mengalami nasib seperti saya, mampu bersaing dengan orang lain, malah ada antara mereka yang lebih berjaya," katanya pada majlis perasmian Minggu Induksi Siswa (MINDS) 2007 Universiti Malaysia Pahang (UMP) dekat sini, kelmarin.

Siti Hawa adalah antara 1,300 pelajar baru yang akan mengikuti sesi akademik 2007/2008 UMP.

Beliau yang berasal dari Batu Pahat, Johor mencatat sejarah apabila menjadi orang kurang upaya (OKU) pertama mendaftar bagi program Diploma Sains Komputer.

Ini adalah pengambilan pertama pelajar OKU sejak penubuhan UMP.

Anak ketiga daripada lima beradik itu juga ialah seorang daripada lima pelajar OKU yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Siti Hawa yang memperoleh keputusan 5A, 4B dan 1C pada peperiksaan SPM lalu berpegang kepada prinsip di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

"Saya tidak pernah berasa rendah diri kerana kekurangan yang ada pada diri, sebaliknya akan mencuba sebaiknya untuk memenuhi harapan keluarga, terutama ibu bapa dan adik beradik yang sentiasa memberi dorongan.

"Bukan semua orang boleh mendapat peluang seperti ini (memasuki IPTA) dan saya berasa sungguh bertuah kerana terpih," katanya.

Siti Hawa berkata, ketika di Sekolah Menengah Seri Mahkota, beliau tidak pernah disisihkan rakan sebaya dan yakin pelajar lain di UMP tidak akan menyisihkan-

nya kerana keadaannya yang serba kekurangan.

Beliau juga tidak menganggap kekurangan dirinya sebagai suatu masalah kerana beliau masih mampu bergerak menggunakan kerusi roda.

"Saya akan meneruskan pelajaran sehingga ke tahap tertinggi yang saya mampu dan tidak akan berhenti selepas memperoleh diploma," katanya.

Siti Hawa menjadikan Prof Datuk Dr Ismail Salleh sebagai idola dan pencetus semangat untuk merealisasikan impiannya.

Baginya, pencapaian Dr Ismail seharusnya dicontohi bukan saja oleh golongan istimewa sepertinya tetapi juga pelajar lain kerana keazaman yang kuat.

"Prof Dr Ismail menjadi bukti bahawa kekurangan diri bukan halangan besar selagi kita benar-benar ingin mencapai apa yang kita impikan," katanya.

Sepanjang MINDS 2007, Siti Hawa ditemani ibunya, Zaidah Tamjis, 44, yang menyediakan keperluan asas yang diperlukan anaknya itu.

Beliau berharap, Siti Hawa akan dapat menyesuaikan dirinya dengan persekitaran dan pembelajaran di UMP selepas minggu induksi berakhir.



AZMAIDI ABIDIN | BERITA HARIAN

TERPILIH: Siti Hawa ketika mengikuti Minggu Induksi Siswa 2007 Universiti Malaysia Pahang di Gambang, Kuantan.

